

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

SOALAN

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) jumlah kemasukan warga asing ke negara Malaysia bermula Mei 2018 sehingga September 2019, dan nyatakan jumlah pelancong yang masuk dan tidak keluar atau tidak dapat dikesan; dan

(b) berapa jumlah permohonan warga China untuk menetap di Malaysia dan berapakah yang telah diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memandang berat isu penjumlahan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tinggi di negara ini, termasuk warganegara asing yang berada di Malaysia melebihi had tempoh yang dibenarkan. Isu ini jika tidak ditangani secara berhemah boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi mahupun politik negara.

Berdepan realiti ini, KDN melalui agensi-agensi di bawahnya sentiasa melaksanakan operasi-operasi bersepadu yang melibatkan perkongsian sumber dan maklumat risikan bagi menangani isu PATI. Untuk makluman

SOALAN NO : 223

Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, statistik menunjukkan seramai 11,706 orang warganegara asing telah ditangkap atas kesalahan berada di Malaysia melebihi tempoh pas atau permit yang diberikan kepada mereka di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 bagi tempoh 1 Mei 2018 sehingga 26 September 2019.

Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memberikan perhatian serius terhadap permasalahan ini dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi memerangi isu PATI di dalam Negara ini.

(b) Terdapat beberapa jenis Pas Jangka Panjang yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada warganegara asing yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Pas Lawatan Sosial;
- (ii) Pas Lawatan Sosial (Isteri / Suami Kepada Warganegara);
- (iii) Pas Lawatan Sosial (Program *Malaysia My Second Home* – MM2H);
- (iv) Pas Tanggungan;
- (v) Permit Masuk; dan
- (vi) Pas Residen.

Berdasarkan jenis-jenis Pas Jangka Panjang tersebut, sebanyak 19,959 permohonan baru dan lanjutan yang diterima oleh Jabatan Imigresen Malaysia daripada warganegara China pada tahun 2019 iaitu dari 1 Januari sehingga 26 September 2019.